

SEJARAH PENGASAS PENGAKAP

Pergerakan Pengakap telah diasaskan oleh Lord Baden Powell of Gilwell atau singkatannya BP. Beliau merupakan seorang askar Inggeris yang berpangkat Leftenan Jeneral. Pergerakan Pengakap bermula di Pulau Brownsea, iaitu satu lokasi perkhemahan bagi kumpulan Pengakap yang pertama di dunia. Berdasarkan pengalaman dan penglibatan beliau dalam pergerakan Pengakap, BP telah menghasilkan sebuah rancangan latihan untuk pergerakan Pengakap pada tahun 1907 bertujuan memastikan setiap ahli Pengakap dilatih dan diajar dengan ilmu kemahiran yang betul.

Lokasi Pulau Browsea :
<https://goo.gl/maps/ywgJbzTvyVp>



Pulau Brownsea, England



Brownsea Island Scout Stone



Lord Baden Powell merupakan Pengakap Agung Dunia yang dilahirkan pada 22 Februari 1857 di sebuah rumah yang berhampiran dengan Hyde Park, London. Nama penuh beliau adalah Lord Robert Stephenson Smyth Baden Powell. Bapanya bernama Reverend H.G. Baden Powell, seorang profesor dalam bidang sains di Universiti Oxford. Ibunya pula merupakan anak kepada seorang Laksamana British yang bernama W.T. Smyth. Baden Powell mempunyai tujuh orang adik beradik. Bapa beliau meninggal dunia semasa Baden Powell berumur tiga tahun. Semasa kecil, beliau sudah berminat hidup di luar rumah. Beliau amat gemar berjalan dan berkhemah di beberapa tempat di England bersama dengan abangnya. Pengalaman ini telah memberi pengajaran kepadanya supaya bekerjasama dan sentiasa taat pada perintah.

Pada tahun 1870, beliau telah memasuki sekolah Charterhouse England. Beliau sangat dikenali dalam bidang sukan, lakonan, lukisan dan muzik. Semasa berusia 19 tahun, beliau telah menamatkan pengajian di Charterhouse dan diberi pilihan sama ada untuk bekerja ataupun melanjutkan pengajiannya ke Universiti Oxford. Beliau memutuskan untuk berkhidmat sebagai tentera. Beliau telah berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan pemilihan seorang tentera. Dengan kejayaan ini, beliau tidak perlu memasuki Sandhurst dan terus menjadi pegawai dalam pasukan Hussar ke-13 serta ditempatkan di India pada tahun 1876.



Charterhouse School, England


Pada tahun 1878, beliau telah dilantik menjadi Pengawai Memerintah Pasukan ke-5 Dragoon Guards di India. Pada tahun 1887, beliau telah dihantar ke Afrika bersama-sama pasukannya untuk menentang kaum Zulu dan beliau telah berjaya. Selepas itu beliau telah ditugaskan untuk melawan bangsa Ashanti. Bangsa Ashanti terkenal sebagai bangsa yang garang. Tetapi bangsa Ashanti sangat takutkan Baden Powell, sehingga BP diberi gelaran "serigala yang tidak pernah tidur" atau "Impeesa" kerana keberanian dan kecekapannya. Pada tahun 1899, beliau telah dinaikkan pangkat menjadi Kolonel.



Huru-hara telah tercetus di antara kerajaan British dengan negeri Transvaal sehingga perhubungan kedua-dua negara menjadi sangat genting. Baden Powell telah ditugaskan untuk menubuhkan dua batalion askar berkuda untuk ke Afrika Selatan. Beliau telah mempertahankan bandar Mafeking selama 217 hari daripada kepungan musuh yang mempunyai bilangan askar yang berlipat ganda. Peristiwa ini berlaku pada 13 Oktober 1899 hingga 18 Mei 1900, sehinggalah bantuan dari pihak British datang menembusi kepungan musuh.

Pada 1899, semasa musuh mengepung bandar Mafeking, beliau telah menggunakan kanak-kanak sebagai utusan dan pemberitahu bagi menggantikan askar di medan peperangan Kapten Tusan. Kepantasan dan kecekapan kanak-kanak ini telah memberi idea dan dorongan kepada beliau untuk menubuhkan pergerakan Pengakap. Selepas peristiwa ini beliau telah dinaikkan pangkat menjadi Major Jeneral yang termuda di Britain.

Kesan daripada bantuan kanak-kanak di bandar Mafeking, beliau telah mula merangka rancangan untuk kumpulan kanak-kanak. Pada tahun 1906 dan 1907, beliau telah berjaya menyiapkan penulisan beliau yang bertajuk "Aids to Scouting". Segala pengalaman semasa di Afrika telah dikumpulkan dalam buku tersebut. Pada tahun 1907 juga, Baden Powell telah diundang untuk memeriksa satu perbarisan pergerakan Briged Muda oleh pengasas pergerakan berkenaan iaitu Sir William Smith. Baden Powell telah berbincang dengan Sir William Smith serta pergerakan Briged Muda yang lain untuk mengadakan satu perkhemahan pertama di Pulau Brownsea, Poole Harbour. Perkhemahan bermula pada 25 Julai hingga 9 Ogos 1907. BP telah dilantik sebagai "Scout Master" atau Pemimpin Pengakap dalam perkhemahan tersebut manakala G W Green, H Robson dan P W Everett pula dilantik sebagai penolong-penolong pemimpin.





Perkhemahan tersebut telah menjadi daya penggerak utama kepada BP untuk menulis dan mengemas kini semula buku "Aids to Scouting" kepada "Scouting for Boys". Buku ini merupakan pandu asas kepada pergerakan Pengakap sehingga hari ini. Buku tersebut juga diterjemahkan kepada lima jenis bahasa lain dan disebarakan ke serata dunia. Penubuhan kumpulan baru telah memberi keyakinan kepada beliau untuk meneruskan perjuangan dalam Pengakap sepanjang hayatnya. Beliau telah berhenti berkhidmat dalam askar semasa beliau berpangkat Leftenan Jeneral.

Semasa tercetusnya Perang Dunia Pertama, kumpulan-kumpulan Pengakap turut mengambil bahagian dalam mempertahankan negara England. Antaranya tugas yang diberikan kepada kumpulan Pengakap ialah mengawasi sepanjang kawasan persisiran pantai. Kumpulan ini digelar Pengakap Laut. Pada tahun 1919, Lord Baden Powell telah menubuhkan sebuah tapak perkhemahan Pengakap yang pertama di dunia dan dikenali sebagai Gilwell Park di London. Gilwell Park merupakan tempat latihan ahli dan pemimpin Pengakap yang terulung di dunia.



Gilwell Park, London

Pada tahun 1920, Pengakap dari seluruh dunia telah berkumpul di London bagi menghadiri Jambori Dunia pertama. Jambori itu diadakan di Richmond Park. Seramai 6000 ahli Pengakap Muda dari dua puluh buah negara telah menghadiri jambori berkenaan. Richmond Park terletak di Olympia, London. Pada malam akhir jambori tersebut, BP telah diisytiharkan sebagai Pengakap Agung Dunia atau Chief Scout of the World.

Pergerakan Pengakap terus berkembang ke negara-negara lain sehingga apabila genap usia penubuhannya 21 tahun, keanggotaannya telah melebihi dua juta ahli. Bagi menghargai kejayaan yang telah dicapai, Baden Powell telah dianugerahkan darjah kemuliaan yang tertinggi di England yang membawa gelaran Lord. Beliau kini dipanggil sebagai Lord Baden Powell of Gilwell. King George V merupakan penganugerah yang menjadikan BP seorang Baron. Lord Baden Powell of Gilwell adalah dianugerahkan bersempena Perkhemahan di Gilwell Park.



Perkhemahan tersebut telah menjadi daya penggerak utama kepada BP untuk menulis dan mengemas kini semula buku "Aids to Scouting" kepada "Scouting for Boys". Buku ini merupakan pandu asas kepada pergerakan Pengakap sehingga hari ini. Buku tersebut juga diterjemahkan kepada lima jenis bahasa lain dan disebarakan ke serata dunia. Penubuhan kumpulan baru telah memberi keyakinan kepada beliau untuk meneruskan perjuangan dalam Pengakap sepanjang hayatnya. Beliau telah berhenti berkhidmat dalam askar semasa beliau berpangkat Leftenan Jeneral.

Semasa tercetusnya Perang Dunia Pertama, kumpulan-kumpulan Pengakap turut mengambil bahagian dalam mempertahankan negara England. Antaranya tugas yang diberikan kepada kumpulan Pengakap ialah mengawasi sepanjang kawasan persisiran pantai. Kumpulan ini digelar Pengakap Laut. Pada tahun 1919, Lord Baden Powell telah menubuhkan sebuah tapak perkhemahan Pengakap yang pertama di dunia dan dikenali sebagai Gilwell Park di London. Gilwell Park merupakan tempat latihan ahli dan pemimpin Pengakap yang terulung di dunia.



Gilwell Park, London

Pada tahun 1920, Pengakap dari seluruh dunia telah berkumpul di London bagi menghadiri Jambori Dunia pertama. Jambori itu diadakan di Richmond Park. Seramai 6000 ahli Pengakap Muda dari dua puluh buah negara telah menghadiri jambori berkenaan. Richmond Park terletak di Olympia, London. Pada malam akhir jambori tersebut, BP telah diisytiharkan sebagai Pengakap Agung Dunia atau Chief Scout of the World.

Pergerakan Pengakap terus berkembang ke negara-negara lain sehingga apabila genap usia penubuhannya 21 tahun, keanggotaannya telah melebihi dua juta ahli. Bagi menghargai kejayaan yang telah dicapai, Baden Powell telah dianugerahkan darjah kemuliaan yang tertinggi di England yang membawa gelaran Lord. Beliau kini dipanggil sebagai Lord Baden Powell of Gilwell. King George V merupakan penganugerah yang menjadikan BP seorang Baron. Lord Baden Powell of Gilwell adalah dianugerahkan bersempena Perkhemahan di Gilwell Park.

ARAHAN :

Jawab soalan berikut dengan berpandukan petikan Sejarah Pengasas Pengakap

1. Siapakah yang telah mengasaskan Pergerakan Pengakap ?

2. Di manakah Pergerakan Pengakap bermula ?

3. Di manakah letaknya Pulau Browsea?

4. Nyatakan nama penuh Baden Powell ?

5. Bilakah Baden Powell dilahirkan ?

6. Nyatakan pekerjaan Bapa Baden Powell ?

7. Apakah aktiviti yang menjadi kegemaran Baden Powell sewaktu remaja ?

8. Pada usia 13 tahun, Baden Powell telah melanjutkan pengajiannya di _____, England. (KBAT)
9. Baden Powell telah menamatkan pengajiannya Caterhouse pada tahun _____. (KBAT)
10. Pada tahun 1878, Baden Powell telah dilantik sebagai _____.
11. Nyatakan gelaran yang diberikan oleh Kaum Ashanti kepada Baden Powell ?
